

09/12/1998

Isteri, anak meninggal nahas biasa: Azizan

Khairul Bahri Basaruddin; Anwar Hussin

KUALA LUMPUR, Selasa - Azizan Abu Bakar memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini, kemalangan yang mengorbankan isterinya bersama anak dalam kandungan pada hari raya kedua tahun ini, adalah nahas biasa dan tidak membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, beliau tidak mengesyaki isterinya dan anak dalam kandungan dibunuh dalam kemalangan itu atau ia satu perbuatan sengaja.

Menjawab soalan Gurbachan Singh, seorang daripada sembilan peguam bela Anwar, Azizan berkata, isteri dan anak dalam kandungan itu mati dalam kemalangan jalan raya biasa.

Gurbachan: Bersetuju atau tidak, dalam buku 50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM ada menyebut mengenai kemalangan itu?

Ketika itu, Hakim Datuk S Augustine Paul bertanya kepada Gurbachan sama ada soalan itu ada kaitan dengan kes itu.

Gurbachan: Ia ada kaitan kerana ada pemalsuan dan konspirasi. Saya berjanji tidak akan tanya soalan tidak perlu.

Gurbachan: Adakah kamu setuju sebahagian buku '50 Dalil' mengandungi sindiran yang Datuk Seri Anwar membunuh isteri kamu?

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Azahar Mohamed bangun membantah dengan berkata, Azizan bukan penulis dan dia juga katakan yang isterinya bukan dibunuh.

Apabila Gurbachan terus berhujah soalan itu ada kaitan dengan pemalsuan, Paul membenarkannya meneruskan soalan.

Gurbachan: Adakah kamu bersetuju atau tidak walaupun isteri kamu sudah meninggal dalam satu kemalangan, sebahagian buku '50 Dalil' membuat sindiran yang Datuk Seri Anwar terbabit dalam pembunuhan isteri kamu?

Sebelum Azizan menjawab, hakim ingin tahu sama ada dia ada membaca buku itu dan saksi itu menjawab: Saya tidak membaca dan melihat buku itu.

Gurbachan: Polis ada menyoal kamu mengenai kemalangan ini?

Azizan: Ya. Polis menyoal saya mengenai kemalangan yang berlaku ke atas saya sehingga menyebabkan isteri saya meninggal dunia.

Gurbachan: Adakah kamu beri cadangan kepada sesiapa yang Datuk Seri Anwar terbabit dengan kemalangan itu?

Azizan: Tidak. Saya tidak cadangkan kepada sesiapa yang Datuk Seri Anwar ada kena-mengena dengan kemalangan itu. Ia hanya kemalangan jalan raya biasa.

Gurbachan: Adakah polis bertanya kamu, kemalangan itu adalah salah laku Datuk Seri Anwar?

Azizan: Pihak polis tidak bertanya kepada saya sama ada kemalangan tersebut adalah salah laku Datuk Seri Anwar dan saya ada beritahunya (polis) laporan kemalangan itu boleh didapati di Balai Polis Rawang.

Gurbachan: Pihak polis ada tanya bagaimana kemalangan itu berlaku? Azizan: Ya, ada.

Gurbachan kemudian menunjukkan laporan polis kepada Azizan tetapi dibantah Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail dengan alasan ia tidak ada kaitan.

Paul: Saya rasa tidak salah. Tunjukkan laporan itu kepada saksi.

Azizan mengesahkan laporan polis itu dibuat olehnya dan mahkamah tandakan sebagai IDD53.

Gurbachan kemudian menunjukkan laporan polis dan buku '50 Dalil' kepada Azizan. Beliau meminta saksi membaca muka surat 81 hingga 87 buku berkenaan.

Perenggan tiga muka surat 81 buku itu menyebut:

"Dilakarkan detik-detik bagaimana Datuk Seri Anwar Ibrahim bekerjasama dengan polis menipu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Umno dan seluruh rakyat Malaysia".

Perenggan terakhir muka surat 86 menyebut: "Pada 31 Januari 1998, hari kedua Aidilfitri, Azizan yang memandu kereta dan isteri yang mengandung enam bulan dan dua anak `telah dilanggar' sebuah kereta lain yang tidak dikenali dan akhirnya isteri dan anak dalam kandungan yang belum lahir meninggal manakala Azizan dan dua anak selamat".

Halaman 86, perenggan lain menyebut: "Dua minggu sebelum itu (pertengahan Ramadan) pintu rumah Ummi (Hafilda Ali penulis surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri) disimbah darah dan selepas disiasat Jabatan Kimia, disahkan ia adalah darah anjing dan laporan polis telah dibuat".

Gurbachan: Boleh kamu baca mengenai `telah dilanggar', apa maksudnya?

Azizan: Saya keliru soalan itu.

Gurbachan: Adalah jelas ada orang mendakwa isterinya mati dibunuh dan tertuduh dituduh terbabit.

Paul: Awak boleh berhujah berhubung perkara ini. Saya tidak benarkan soalan itu.

Abdul Gani: Saksi ini bukan penulis buku ini. Penulisnya kami sudah dakwa.

Sebelum mahkamah berhenti berehat pada jam 11.30 pagi, Azizan memohon untuk memberi penjelasan berhubung kesalahan fakta dalam buku itu dengan laporan polis yang dibuat di Rawang.

Azizan: Sebenarnya isteri saya mengandung tujuh bulan, bukan enam bulan seperti dalam buku itu. Saya ada tiga anak dan yang sulung patah gigi dan dua lagi cedera ringan, bukan sama dalam buku itu yang kata saya ada dua anak....

Paul: Buku itu salah?

Azizan: Ya.

(END)